

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK  
MOHAMAD [ PASIR PUTEH ]  
TARIKH : 24 MEI 2016  
SOALAN :**

**YB Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana persediaan di peringkat pusat untuk membantu mencukupkan bekalan darah kepada pesakit-pesakit di negeri di Pantai Timur pada bulan puasa dan musim perayaan Aidil Fitri.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat peka tentang keperluan darah dan sentiasa memastikan bekalan darah yang selamat dan mencukupi dapat diberikan kepada pesakit-pesakit yang memerlukan tepat pada masanya.

Secara keseluruhannya, memang tidak dinafikan bahawa stok bekalan darah negara sedikit sebanyak berkurangan setiap kali bulan Ramadhan dan juga pada musim-musim perayaan. Senario yang sama juga berlaku di negara-negara barat ketika cuti musim panas. Walaubagaimanapun, KKM sentiasa bersiap sedia merancang dan melaksanakan strategi-strategi sebelum datangnya bulan Ramadhan bagi memastikan bekalan darah negara sentiasa mencukupi seperti:-

- 1) Di peringkat kebangsaan, program "Sambutan di Ambang Ramadhan" akan diteruskan lagi pada tahun ini. Program ini merupakan program tahunan anjuran ANSARA (Persatuan Bekas Pelajar MRSM Malaysia) dengan kerjasama Pusat Darah Negara (PDN) dan beberapa agensi lain yang mana

telah berlangsung sejak sedekad lalu. Kempen derma darah ini akan dijalankan secara besar-besaran selama tiga (3) hari di Lembah Klang, Selangor, Melaka, Seremban, Johor dan Pulau Pinang;

- 2) Promosi dan hebahan melalui media massa, media elektronik serta laman sosial juga dipergiatkan dan dipertingkatkan, sama ada di peringkat kebangsaan atau peringkat negeri bagi menggalakkan semua lapisan masyarakat supaya tampil dan meneruskan aktiviti derma darah;
- 3) Waktu operasi pusat pengumpulan darah di negeri pantai timur iaitu Hospital Sultanah NurZahirah, Kuala Terengganu; Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu dan Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan akan dipanjangkan sehingga jam 10 malam sepanjang bulan Ramadhan. Manakala PDN akan tetap beroperasi seperti biasa dari jam 7.30 pagi hingga 8.30 malam;
- 4) Memandangkan sebanyak 80% daripada jumlah kutipan darah tahunan diperolehi melalui unit bergerak derma darah, aktiviti ini juga dipergiatkan dengan mengadakan lebih banyak unit bergerak derma darah satu (1) hingga dua (2) minggu sebelum puasa dan sepanjang bulan puasa. Langkah ini mampu menyasarkan jumlah stok darah dua (2) hingga tiga (3) kali lebih tinggi daripada stok semasa sebelum tiba bulan puasa. Manakala sepanjang bulan puasa pula, kutipan darah dijalankan pada waktu malam, selepas solat tarawikh di masjid-masjid, universiti dan juga kem-kem tentera. Contohnya di Negeri Terengganu, sebanyak 16 masjid telah dikenalpasti dan telah menyatakan persetujuan untuk bekerjasama menjayakan kempen tersebut;
- 5) Memperbanyakkan kutipan darah di kalangan masyarakat bukan Islam seperti di kawasan kuil dan gereja serta menggalakkan penglibatan syarikat-syarikat swasta dalam penganjuran kempen derma darah;
- 6) Bekerjasama dengan pakar-pakar perubatan dan juga pakar-pakar pembedahan di setiap hospital dengan menekankan kepentingan penggunaan darah kepada pesakit secara terkawal dan bijak berdasarkan kes pesakit; dan

- 7) PDN akan memantau, menyelaras dan menggerakkan inventori darah sewajarnya untuk seluruh negara dengan menggunakan sistem pangkalan data *MyBSS (My Blood Stock System)* bagi membantu kawasan-kawasan yang kekurangan stok darah dan memerlukannya. Stok darah ini dikemaskini setiap hari.

KKM akan terus berusaha dan melakukan penambahbaikan untuk meningkatkan mutu Perkhidmatan Transfusi Darah bagi memastikan pembekalan produk darah yang selamat, mencukupi dan berkualiti dalam masa yang ditetapkan dan boleh diakses di seluruh negara.